

BUDI BICARA HAKIM BICARA DALAM PENGENDALIAN PERMOHONAN FASAKH

Fatihah Nasarudin ⁱ, Zul-kifli Hussin ⁱⁱ Sharifah Nurulhuda S Ab Latifⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Jabatan Syariah Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. Emel: aahnasa45@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. Emel: zul-kifli@usas.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Syariah Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. Emel: sharifahnurulhuda@usas.edu.my

ABSTRAK

Pembubaran perkahwinan boleh berlaku sama ada melalui persetujuan bersama ataupun melalui perintah mahkamah. Fasakh yang diperuntukkan dalam Seksyen 53 dalam Enakmen Keluarga Islam adalah pembubaran melalui perintah mahkamah. Permohonan ini banyak digunakan hampir semua negeri-negeri di Malaysia kecuali negeri Kelantan. Setiap hakim yang mengendalikan permohonan fasakh menggunakan budi bicaranya dalam membuat suatu keputusan dengan menilai keterangan-keterangan yang diberikan pihak-pihak. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pertimbangan budi bicara hakim Mahkamah Syariah dalam mengendalikan kes *fasakh*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan data yang terlibat adalah gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur bersama hakim bicara Mahkamah Syariah. Data analisis dokumen dan data temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil dapatkan menunjukkan bahawa pertimbangan hakim bicara dalam membuat keputusan terhadap permohonan tuntutan *fasakh* di mahkamah adalah melalui pembuktian zahir dan pendekatan secara *adversarial* berbanding *inquisitorial*. Oleh itu, kajian lanjutan diperlukan untuk melihat kelebihan kaedah *inquisitorial* dalam mengendalikan permohonan fasakh.

Kata-kata kunci: adversarial, budi bicara, fasakh, keputusan

PENGENALAN

Sebuah mahligai perkahwinan di sisi Islam pada hakikatnya dibina untuk mencapai kebahagiaan yang berteraskan kepada prinsip sakinah, mawaddah dan rahmah (Rahmah & Mohd Husairi, 2023). Syariat perkahwinan ini diciptakan oleh Allah SWT sebagai satu panduan atau jalan bagi memenuhi fitrah manusia yang ingin hidup berpasang-pasangan (Ali, 2020). Melalui perkahwinan juga, manusia dapat menjauhkan diri mereka daripada terjerumus dalam lembah maksiat serta perbuatan zina yang dianggap sebagai suatu perkara yang sangat buruk dan hina di sisi syarak (Nurul & Raihanah, 2021). Kenikmatan perkahwinan ini boleh dirasai oleh mereka yang benar-benar menghayati serta mendalamai konsep perkahwinan itu berlandaskan ajaran agama Islam. Allah telah berfirman dalam surah al-Rum ayat 21;

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَكَيْتٌ
لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Bermaksud: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (Quran, 30:21)

Berdasarkan ayat ini, jelas menunjukkan bahawa setiap pasangan akan mencapai tahap sakinah, mawaddah dan rahmah apabila mereka telah memasuki alam perkahwinan. Melalui perkahwinan ini, mereka akan mula mendapat ketenangan jiwa dan fizikal. Secara fitrahnya, seorang lelaki akan merasa tenang jiwanya dengan kehadiran seorang perempuan yang berada di sisinya. Begitu juga seorang perempuan akan merasa tenang dengan kehadiran seorang lelaki sebagai suaminya (Nur Faezah et al., 2020). Apabila seorang lelaki dan perempuan sudah membuat keputusan untuk bersama dalam ikatan perkahwinan, maka ikatan itu sukar untuk diputuskan. Hal ini kerana, ikatan yang dibina dalam perkahwinan tidak boleh dileraikan atau dipisahkan begitu sahaja. Allah SWT telah berfirman dalam surah an-Nisa ayat 21;

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ، وَقَدْ أَفْضَى بَعْضُكُمْ إِلَى بَعْضٍ وَأَخْذَنَ مِنْكُمْ مِيَثَاقًا عَلَيْهِ

Bermaksud: Dan bagaimana kamu tergamac mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu dengan yang lain, dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telahpun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu? (Quran, 4:21)

Penggunaan kata *مِيَثَاقًا عَلَيْهِ* seperti ayat di atas menggambarkan tentang akad perkahwinan. Hal ini dikuatkan lagi dengan tafsiran dari Ibnu Kathir yang menyatakan bahawa perkataan *mithaqan ghalizan* bermaksud perjanjian akad nikah (Ghoffar & E., 2004). Manakala, Wahbah al-Zuhaili (2013) pula mengungkapkan maksud *مِيَثَاقًا عَلَيْهِ* adalah satu perjanjian yang mengikat antara seorang suami dengan isterinya dengan ikatan yang sangat kuat. Ini adalah ikatan yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk tetap memegangnya (meruju') dengan cara yang ma'ruf atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik. Penggunaan ayat ini telah disebutkan sebanyak tiga kali dalam al-Quran menerusi surah al-Nisa ayat 21 dan 154, Allah SWT berfirman *وَأَخْذَنَا مِنْهُمْ مِيَثَاقًا عَلَيْهِ* kepada kaum terdahulu supaya berpegang teguh dengan janji setia dan meninggalkan larangan Allah SWT. Selain itu juga, ada disebutkan dalam surah al-Ahzab ayat 7, Allah SWT berfirman *وَأَخْذَنَا مِنْهُمْ مِيَثَاقًا عَلَيْهِ* kepada para nabi-Nya dengan berpegang teguh pada perjanjian setia mereka untuk melaksanakan tugas yang telah diberikan Allah SWT.

Oleh kerana itu, yang menjadikan keistimewaan dalam akad perkahwinan ini ialah kedudukannya setara dengan perjanjian Allah dan para nabi. Maka, setiap pasangan yang berkahwin harus menjaga ikatan perkahwinan itu sebaik mungkin kerana ikatan ini tidak boleh diputuskan dengan mudah kecuali dengan kematian atau dalam situasi yang darurat (Maulidia, 2022). Sekiranya bahtera perkahwinan itu berjaya dikemudikan dengan baik dan

berlandaskan prinsip-prinsip agama Islam yang sebenar, maka sudah pastilah sebuah institusi keluarga yang bahagia itu dapat dibina (Rahmah & Mohd Husairi, 2023).

Namun, jika perkahwinan itu tidak diberikan penekanan terhadap penghayatan agama, maka ia pasti akan menimbulkan suatu masalah. Malah, perkahwinan yang sepatutnya membawa kebahagiaan boleh bertukar kepada kesedihan dan kesukaran kerana masalah itu tidak dapat diselesaikan dengan baik (Solihah & Mohd Norhusairi, 2023). Kesannya, pasangan suami isteri ini akan saling menyalahkan antara satu sama lain dan tidak lagi memainkan peranan masing-masing kerana rasa tanggungjawab dalam rumah tangga tersebut telah hilang. Hal ini yang akan membawa kepada berlakunya perceraian dalam sebuah perkahwinan. Walaupun setiap pasangan yang berkahwin tidak pernah menginginkan perceraian, namun kes perceraian masih kerap berlaku dalam kalangan masyarakat. Statistik daripada Jabatan Pendaftaran Malaysia juga menunjukkan terjadinya peningkatan dalam perceraian dengan kenaikan sebanyak 45.8 peratus yang melibatkan pasangan Islam (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023).

Tambahan lagi, perceraian kini dilihat sebagai fenomena global dalam kehidupan masyarakat. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga perkahwinan yang berjaya diselamatkan setelah melalui beberapa proses perdamaian dan rundingan sama ada ia dilakukan berdasarkan inisiatif pasangan itu sendiri mahupun dengan bantuan pihak mahkamah (Solihah & Mohd Norhusairi, 2023). Sebaliknya, bagi perkahwinan yang tidak menemui jalan penyelesaian terbaik setelah melakukan pelbagai usaha, maka Islam sebagai satu agama yang lengkap telah menyediakan satu solusi untuk menyelesaikan isu ini dengan berhemah iaitu melalui pembubaran perkahwinan (Sudirman, 2017).

Pembubaran dalam perkahwinan merupakan satu proses perceraian atau perpisahan antara suami dan isteri yang telah berkahwin. Terdapat beberapa jenis pembubaran perkahwinan menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Sebagai contoh, terdapat perceraian secara lafaz talak, perceraian secara pengesahan lafaz talak, perceraian secara *fasakh*, perceraian secara taklik, perceraian secara tebus talak (*khulu'*) dan perceraian secara anggapan mati (M. Z. Mohd Zaidi & Raihanah, 2018). Namun, yang menjadi isu hangat pada masa kini ialah perceraian melalui kes *fasakh*. Terdapat beberapa kes yang hangat diperkatakan dalam media sosial seperti di aplikasi *Tiktok*, *Facebook* dan *X* tentang ramainya selebriti yang memohon perceraian melalui kes *fasakh* ini seperti kes isteri pelakon Afiq Muiz yang membuat tuntutan *fasakh* pada tahun lepas (Farihad, 2023). Selain itu, kes pelakon dan artis terkenal, Puteri Sarah dan Syamsul Yusof juga menjadi sorotan media apabila Puteri Sarah telah memfailkan cerai terhadap suaminya di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada tahun lepas (Hadi, 2023).

Fasakh ialah suatu bentuk pembubaran perkahwinan atas kuasa hakim disebabkan oleh sesuatu perkara yang diberikan keharusan oleh hukum syarak (M. Z. Mohd Zaidi & Raihanah, 2018). Pembubaran perkahwinan melalui *fasakh* diperuntukkan dalam Seksyen 53 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perak (2004) di mana seksyen ini menjelaskan tentang alasan-alasan yang membolehkan suatu pembubaran perkahwinan dilakukan. Hak ini telah disebut dengan jelas dalam undang-undang keluarga Islam dan hampir seluruh alasan yang diperuntukkan di dalamnya adalah melibatkan kesalahan di pihak suami yang boleh mengakibatkan pengabaian, penganiayaan dan kezaliman kepada isteri. Tambahan lagi, *fasakh* ini merupakan jalan terakhir yang terpaksa diambil oleh isteri yang tidak mampu lagi untuk meneruskan kehidupan bersama suaminya. Hal ini kerana

bentuk-bentuk perceraian yang lain seperti talak, khulu' dan taklik tidak boleh dilakukan oleh sebelah pihak sahaja melainkan dengan persetujuan pasangan (Z. Mohd Zaidi, 2019).

Prosedur *fasakh* memerlukan seorang isteri untuk mengemukakan bukti-bukti yang kukuh untuk meyakinkan hakim bicara bahawa alasan-alasan untuk sabitan *fasakh* itu adalah benar dan menepati kehendak syarak (M. Z. Mohd Zaidi & Raihanah, 2018). Hal ini kerana dalam kes *fasakh* kuasa untuk membubarkan perkahwinan tanpa kebenaran suami dan tanpa lafaz adalah kuasa hakim bicara. Selain itu, suami juga akan diberikan ruang dan peluang yang sama untuk membela diri atas pertuduhan yang dilakukan oleh pihak isteri (Z. Mohd Zaidi, 2019). Namun begitu, telah berlaku rungutan yang berterusan khususnya daripada kaum wanita mengenai pelbagai masalah berkenaan dengan prosedur tuntutan *fasakh* yang menyebabkan kelewatan dan penangguhan kepada perbicaraan serta penyelesaian kes. Aduan tentang kelewatan kes perceraian termasuk kes *fasakh* yang sering kedengaran dalam media cetak, elektronik serta media alternatif tanpa kunjung padam (M. Z. Mohd Zaidi & Raihanah, 2019).

Kelewatan dan penangguhan perbicaraan ini telah berlaku disebabkan beberapa faktor antaranya melalui prosedur tatacara mal, dari pihak-pihak yang memohon perceraian dan sebagainya. Jika dilihat dalam kes perceraian di negeri Perak, sebanyak 3395 kes perceraian telah didaftarkan mengikut statistik di Jabatan Perangkaan Malaysia (2023). Jika dilihat dalam surah al-Baqarah ayat 229, Allah SWT berfirman;

الْطَّلاقُ مَرَّتَانِ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيْحٌ بِإِحْسَانٍ

Bermaksud: Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik (Quran, 2:229)

Apabila diteliti semula surah al-Baqarah ayat 229, Allah SWT telah meletakkan ayat tersebut dengan mendahulukan perkataan *imsak* iaitu bertahan dan diakhiri dengan perkataan *tasrih* iaitu melepaskan akad pernikahan atau memilih perceraian (Retsha, 2018). Hal ini bermaksud, Allah SWT perintahkan supaya suatu perkahwinan itu dipertahankan dahulu. Malah jika pasangan suami isteri sudah tidak mampu untuk bertahan serta tidak menemui jalan penyelesaian untuk perkahwinan tersebut, maka barulah mereka memilih untuk berpisah dengan cara yang baik. Hal ini dikuatkan lagi dengan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Daud (2178) bermaksud tidak ada perkara halal yang dibenci oleh Allah selain daripada talak. Daripada ayat al-Quran dan hadis ini jelas bahawa perceraian adalah diharuskan namun ia adalah perkara yang paling dibenci Allah SWT.

Di samping itu, pasangan yang berkahwin ini haruslah menjaga perkahwinan mereka dengan baik dan bersungguh-sungguh supaya terhindar dari terlibat dalam isu perceraian. Bahkan jika mereka pergi ke mahkamah untuk membuat permohonan terhadap kes ini, para hakim seharusnya membantu para pihak untuk mempertahankan perkahwinan ini dengan pelbagai cara yang ada kerana hak untuk memutuskan ada pada kuasa hakim. Hal ini menimbulkan persoalan bagaimana seorang hakim bicara dalam mengendalikan kes *fasakh* yang telah didaftarkan di Mahkamah Syariah sama ada mementingkan suatu nilai dalam perkahwinan tersebut atau sebaliknya.

Berdasarkan kajian lepas, terdapat literatur yang menerangkan tentang alasan pengabaian nafkah oleh suami dalam putusan *fasakh* studi perbandingan hakim Mahkamah Rendah Syariah Seri Iskandar Negeri Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Nur Aqilah et al., 2024a). Pengkaji mendapat terdapat kekurangan kajian literatur yang membahaskan tentang pertimbangan seorang hakim dalam mengendalikan kes *fasakh* di Mahkamah Syariah. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk melihat bagaimana pertimbangan seorang hakim bicara dalam mengendalikan kes *fasakh* di Mahkamah Syariah Perak. Kajian ini akan merungkai hasil analisis yang diperolehi daripada data yang ditemui dan melalui kajian-kajian lepas. Justru, objektif kajian ini dapat menunjukkan kepada masyarakat tentang budi bicara hakim bicara dalam pengendalian permohonan *fasakh*.

KAJIAN LITERATUR

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlebar di bawah skop pengendalian hakim dalam permohonan tuntutan *fasakh*. Kebanyakan skop atau pendekatan penulisan artikel yang dihasilkan mengenai *fasakh* lebih tertumpu kepada kelewatan dan penangguhan untuk membubarkan perkahwinan secara *fasakh* melalui undang-undang Tatacara Mal. Misalnya penulisan artikel oleh Mohd Zaidi & Raihanah (2019) yang membicarakan tentang faktor kelewatan prosiding *fasakh* dari aspek pemakaian undang-undang Tatacara Mal dan peruntukan yang ada dalam undang-undang tersebut yang bersabit dengan tuntutan *fasakh*. Selain itu, penulisan artikel oleh Mohd Zaidi & Raihanah (2018), mengenai peruntukan prosedur sivil yang telah menyumbang kepada kelewatan prosiding *fasakh* di Mahkamah Syariah.

Seterusnya, kajian dari Mohd Zaidi (2019), yang menyatakan kepentingan undang-undang substantif dan prosedur berkaitan *fasakh*. Beliau juga menghuraikan kelebihan dan kekurangan dari aspek pemakaian Undang-Undang Tatacara Mal. Penulisan artikel oleh Noratiqah (2017) yang melihatkan pandangan peguam syarie tentang konsep pembubaran perkahwinan secara *fasakh* menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan pemeliharaan hak wanita menurut undang-undang tersebut. Dari aspek pertimbangan hakim, tidak banyak penulisan yang dibuat dengan menyentuh secara khusus berkaitan dengan budi bicara hakim dalam mengendalikan permohonan *fasakh*. Hal ini kerana, kebanyakkan penulisan menumpukan kepada tuntutan *fasakh* yang digunakan melalui Undang-Undang Tatacara Mal.

Namun begitu, terdapat juga penulisan yang menyentuh tentang pertimbangan hakim dalam membuat keputusan berkenaan permohonan *fasakh*. Misalnya, penulisan artikel oleh Nur Aqilah & Khairifaizul (2024), menunjukkan pertimbangan Mahkamah Rendah Syariah Seri Iskandar Negeri Perak dan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berbeza dalam melakukan suatu keputusan terhadap pengendalian permohonan *fasakh* yang melibatkan pengabaian nafkah oleh suami. Hal ini kerana hakim Mahkamah Syariah setiap negeri mempunyai ijtihad dan pandangannya masing-masing.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai. Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga pendekatan iaitu, reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data (Muhammad Mustaqim & Hanis, 2024). Kajian ini mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur untuk mendapatkan data kajian. Pengkaji telah memilih seorang informan sebagai wakil untuk memberi maklumat tentang tajuk kajian. Hakim bicara di negeri Perak dipilih untuk kajian ini kerana dapat memberi maklumat tentang kajian yang ingin diteliti oleh pengkaji. Dalam kajian kualitatif, bilangan responden yang ditemu bual bukan menjadi isu utama kerana tidak ada satu peraturan khusus yang boleh digunakan dalam menentukan saiz sampel (Patton, 2002). Hal ini kerana kajian kualitatif bukan untuk membuat generalisasi kepada populasi kajian tetapi lebih kepada meneroka secara mendalam fenomena yang dikaji (Creswell, 2002).

Selain itu, kaedah analisis kandungan dokumen turut digunakan dalam mengumpul dan menganalisis data yang mana hasilnya dihuraikan mengikut kaedah tematik. Terdapat lima komponen yang disusun atur dalam menganalisis data dengan menggunakan kaedah tematik ini yang dimulai dengan penulisan transkrip secara varbetim, pengagihan data mengikut persoalan kajian, pengkategorian isi kandungan data, membina tema kajian dan membuat koding data (Muhammad Mustaqim & Hanis, 2024). Gabungan dua kaedah pengumpulan data dalam kajian ini bertujuan agar data-data yang dikumpulkan mencapai tahap *validity* iaitu kesahan data bagi menjawab objektif dan persoalan kajian. Hal ini menunjukkan bahawa kajian ini telah menggunakan teknik triangulasi dengan menggabungkan dua atau lebih kaedah dalam kutipan data untuk mengkaji tingkah laku manusia (Cohen et al., 2000). Oleh yang demikian, secara dasarnya kajian ini telah menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan sekunder. Data primer adalah merujuk kepada data temu bual yang diperoleh daripada sesi wawancara yang dilakukan, manakala data sekunder adalah diperoleh daripada buku-buku, kajian-kajian lepas, artikel-artikel jurnal dan keratan akhbar.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan tinjauan secara rambang daripada alasan-alasan penghakiman, mendapati kebanyakan Mahkamah Syariah menerima alasan *fasakh* yang telah dikemukakan oleh pemohon bahawa suami telah cuai dalam pemberian nafkah, keberadaan suami tidak diketahui selama lebih beberapa tempoh yang ditetapkan, suami lazim menyakiti isteri dan sebagainya. Hasil dapatan daripada pembacaan secara rambang, tidak terdapat satu pun daripada hakim memberi penangguhan atau penolakan dalam kes tuntutan *fasakh*. Sebaliknya, kebanyakan mahkamah meluluskan permohonan tersebut. Seterusnya, kaedah temu bual separa berstruktur yang dijalankan bersama informan telah direkodkan menggunakan pita rakaman suara. Selain itu, pengkaji juga membuat segala catatan isi penting temu bual bagi memudahkan proses untuk membuat transkripsi data rakaman. Selepas pengkaji melakukan transkripsi rakaman tersebut, pengkaji turut melakukan proses pengekodan dengan membina kodifikasi berdasarkan tarikh dan transkrip temu bual. Hasil

dapatkan daripada temu bual bersama seorang informan mendapati bahawa budi bicara seorang hakim dalam mengendalikan kes *fasakh* ini bergantung terhadap keterangan dan bukti-bukti yang telah dikemukakan oleh para pihak yang memohon tersebut secara zahir sahaja.

Prosedur Kes *Fasakh* di Mahkamah Syariah

Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perak (2004) telah meletakkan beberapa peruntukan tentang pembubaran perkahwinan secara *fasakh*. Menurut seksyen 53 (1) Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perak (2004), permohonan *fasakh* di Mahkamah boleh dilakukan oleh beberapa faktor tertentu. Menurut seksyen 53 (1) ini, setiap pihak boleh mengajukan permohonan *fasakh* di Mahkamah dengan beberapa alasan yang telah dikemukakan di dalam seksyen tersebut. Terdapat beberapa proses perceraian *fasakh* di Mahkamah Syariah, antaranya para pihak boleh memdapatkan borang *fasakh* di kaunter Mahkamah Syariah dan kemukakan alasan mengapa tuntutan *fasakh* ingin dilakukan. Para pihak boleh melantik peguam syarie untuk mewakilkan para pihak dan memudahkan tuntutan *fasakh* itu dilakukan. Namun, jika para pihak tidak ingin menggunakan peguam syarie juga tidak menjadi masalah bagi para pihak. Semasa perbicaraan dilakukan, para pihak hendaklah membawa semua jenis bukti dokumen, laporan perubatan dan sebagainya menjadi pembuktian dalam perbicaraan yang dilakukan (Syafiq, 2023).

Seterusnya, prosedur kes *fasakh* di setiap negeri adalah berbeza mengikut negeri masing-masing. Sebahagian negeri di Malaysia, pengendalian kes *fasakh* berada di bawah bidang Mahkamah Tinggi Syariah dan sebahagian lainnya berada di Mahkamah Rendah Syariah. Sebelum ini, kes *fasakh* di Negeri Perak berada di bawah bidang Mahkamah Rendah Syariah tetapi telah berlaku pertukaran bahawa permohonan *fasakh* tidak lagi berada di bawah Mahkamah Rendah dan ditukarkan kepada Mahkamah Tinggi Syariah. Hal ini bertujuan untuk mengurangkan penumpukan kes di Mahkamah Rendah Syariah. Jika permohonan *fasakh* ini masih di bawah naungan Mahkamah Rendah, kemungkinan akan membebankan Mahkamah Rendah Syariah dalam mengendalikan kes dan proses sesuatu kes akan mengambil masa yang panjang (Mohd Ridzuan, 2024).

Pembuktian Secara Zahir

Pembuktian merupakan elemen yang signifikan dalam suatu prosiding perbicaraan dan perlu dikemukakan secara teratur di mahkamah. Pembuktian ialah suatu perbuatan, usaha, dan sebagainya untuk membuktikan sesuatu, juga berasal daripada kata dasar ‘bukti’ yang ditakrifkan sebagai keterangan yang nyata, tanda kebenaran dan dalil (Dewan, 2013). Pembuktian dalam istilah perundangan bahasa Arab disebut sebagai *ithbat* yang membawa maksud mengemukakan dalil di hadapan hakim untuk menuntut sesuatu hak daripada hak-hak (Muhammad Rawwas, 1983). Bagi mencapai keadilan dalam sesuatu proses perbicaraan, semua fakta dan isu yang dibangkitkan perlu disokong dengan pembuktian yang tuntas dan dikemukakan di hadapan hakim. Pembuktian tersebut perlu dikemukakan melalui kaedah tertentu yang ditetapkan dalam peruntukan sedia ada. Kaedah pembuktian tanpa cara dan

saluran yang ditetapkan akan menyebabkan pembuktian tersebut tidak sah dan ditolak kerana kaedah pembuktian bermaksud cara yang digunakan bagi membuktikan sesuatu kesalahan yang didakwa berlaku di hadapan mahkamah (Suhaizad et al., 2019).

Menurut Abdul Karim (2002), terdapat sembilan kaedah pembuktian dalam Islam, iaitu pengakuan, kesaksian, sumpah, keengganan bersumpah, pengetahuan hakim, keterangan keadaan, *al-Qasāmah*, *al-Qiyāfah* dan *al-Qur’ah*. Sementara itu, Wahbah Zuhaili (1985), dalam kitab *Fiqh al-Islāmi wa Adillātuhu* pula menyatakan bahawa antara cara sabitan hak termasuklah melalui pengakuan, kesaksian, sumpah dan keterangan keadaan iaitu dalam bentuk *iqrār* (pengakuan), *al-syahādah* (kesaksian), *al-yamin* (sumpah), *al-qārinah* (keterangan keadaan atau fakta berkaitan), *al-kitābah* (keterangan dokumen), *nuql al-Yamin* (keengganan bersumpah) dan *al-Yamin al-Mardudah* (sumpah yang dikembalikan), dan *al-Rā’yu al-Khabir* (pendapat pakar). Negara Malaysia juga membuat suatu enakmen berlandaskan syariah Islam. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah secara khusus dan lengkap membantu pihak yang terlibat dalam sesuatu prosiding perbicaraan termasuklah dari aspek kaedah pembuktian. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah ini juga berjaya menyediakan peruntukan asas berhubung dengan keterangan bagi kesalahan jenayah Islam yang sebenar. Terdapat tujuh kaedah pembuktian yang diperuntukkan dalam undang-undang keterangan mahkamah syariah.

Pertama, pembuktian secara *iqrār* atau pengakuan merupakan kaedah pembuktian yang diperuntukkan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004. Menurut seksyen 17(1), *iqrār* ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak. Selain itu, syarat mensabitkan sesuatu *iqrār* hendaklah dilakukan di dalam mahkamah, iaitu di hadapan hakim atau di luar mahkamah dengan syarat di hadapan dua orang saksi lelaki yang akil, baligh dan adil seperti yang dinyatakan dalam seksyen 17(2) akta yang sama. Seksyen 17(3) yang menyatakan bahawa, “sesuatu *iqrar* yang berhubung dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah *qarinah*” yang bermaksud sesuatu *iqrār* termasuk dalam *qarinah* sekiranya berkaitan dengan fakta persoalan atau fakta relevan kerana pengakuan ini tidak boleh terus mensabitkan sesuatu perkara yang dipertikaikan seperti *iqrār* yang dilakukan dalam seksyen 17(1).

Kedua, seksyen 46 dan 47 telah menerangkan tentang kaedah pembuktian secara lisan. Segala fakta, kecuali kandungan dokumen boleh dibuktikan dengan keterangan lisan. Keterangan lisan hendaklah dilakukan secara langsung di Mahkamah. Ketiga, menurut peruntukan seksyen 87(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004, semua orang Islam adalah berwibawa untuk memberikan *syahādah* atau *bayinnah* sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah ‘*aqil*, *baligh*, ‘*adil*, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka. Seseorang Islam adalah disifatkan ‘*adil* jika dia menunaikan tanggungjawab agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus-menerus melakukan dosa kecil. Selain itu, di dalam seksyen 91(1) telah menerangkan bagaimana cara untuk memberikan keterangan dalam

kes *mal.* Keterangan tentang kesaksian ini telah diperuntukkan dalam seksyen 83 sehingga seksyen 88.

Keempat, keterangan dokumentar telah diperuntukkan juga dalam seksyen 48 sehingga seksyen 71 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004. Kelima, terdapat juga pembuktian secara pendapat pakar yang telah diperuntukkan dalam seksyen 33 sehingga seksyen 39. Keenam, para pihak juga dikehendaki melakukan sumpah atas setiap perkara yang diberikan di dalam mahkamah menurut seksyen 72, 87, 88 dan 129 berdasarkan situasi masing-masing. Ketujuh, terdapat juga keenggana bersumpah dan sumpah yang dikembalikan dalam seksyen 87 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004. Hal ini menunjukkan bahawa, kaedah pembuktian yang dilakukan di Mahkamah Syariah dibuktikan secara zahir melalui beberapa kaedah yang telah diperuntukkan di dalam Enakmen tersebut.

“Dari segi *fasakh* ni, nombor satu faktanya. Nombor dua, keterangan yang dia bagi. Ketiga, pembuktian dan terakhir adalah saksi. Kalau di bawak seksyen 53 dia ada banyak subseksyen jadi kena pilih salah satu. Contoh, disebabkan penganiayaan dari segi fizikal dan mental, suami suka berkata kesat, hina dan sebagainya. Tiada bukti, jadi bagaimana dia nak dakwa dan mengatakan dia ada tekanan.” (IN1(1)1-30/8(85-89)

Berdasarkan temu bual yang dijalankan pengkaji bersama Hakim Bicara di Mahkamah Rendah Taiping dan Mahkamah Tinggi Ipoh, mendapati bahawa budi bicara hakim bicara sebelum mengeluarkan keputusan adalah berpandukan dan merujuk kepada Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 dan Enakmen Tatacara Mal Perak 2004. Seorang hakim melihat kepada bukti yang zahir sahaja dalam memutuskan keputusan di Mahkamah. Hal ini kerana, hakim mengambil kira segala fakta kes, keterangan, pembuktian dan juga saksi-saksi yang dibawa oleh pihak yang memohon (Mohd Ridzuan, 2024).

Seterusnya, alasan-alasan penghakiman yang telah dianalisis oleh pengkaji mendapati bahawa hakim sememangnya membuat suatu keputusan itu merujuk kepada pembuktian zahir sahaja. Sebagai contoh, kes yang telah difailkan di Mahkamah Rendah Syariah Seri Iskandar Perak dengan nombor kes 014/0018/2022, permohonan ini adalah berkaitan dengan tuntutan *fasakh* bahawa defendant telah menganiaya plaintiff dalam perkahwinan dengan tidak memberi nafkah kepadanya selama lebih 4 tahun. Mahkamah melihat tidak ada pembuktian dalam keterangan yang telah diberikan oleh pihak plaintiff, maka mahkamah menyuruh plaintiff menampilkkan beberapa orang saksi untuk menguatkan atau memperkuuhkan tuntutan yang dilakukan. Setelah saksi memberi keterangan yang memuaskan pihak mahkamah, mahkamah memutuskan bahawa perkahwinan tersebut dibubarkan.

Selain itu, nombor kes 014/0382/2021 yang membuat permohonan *fasakh* bahawa suaminya telah cuai dan gagal menyediakan nafkah zahir melebihi tempoh dua bulan dan telah menganiaya isteri dengan lazim menyakiti dan menjadikan kehidupan isteri menderita disebabkan kelakuan aniaya. Mahkamah memutuskan bahawa plaintiff perlu mendatangkan

dokumen bertulis dan dua orang saksi untuk membuktikan bahawa plaintiff telah dianiaya oleh defendant. Hakim mendapati bahawa defendant tidak hadir ke mahkamah untuk membuat sebarang pembelaan ke atas dirinya dan melihat kepada pembuktian bertulis serta saksi yang dibawa oleh pihak plaintiff ke mahkamah. Berdasarkan bukti-bukti yang ada, hakim memutuskan untuk membubarkan perkahwinan pasangan itu merujuk kepada fakta *sharā'* dan fakta undang-undang yang ada.

Hal ini jelas membuktikan bahawa hakim membuat keputusan hanya berdasarkan bukti-bukti yang zahir sahaja. Hakim menilai setiap kes yang dikendalikan melalui proses perbicaraan yang dijalankan. Jika hakim tidak berpuas hati atas keterangan yang diberikan oleh pihak plaintiff, hakim akan menyuruh pihak plaintiff membawa saksi untuk menguatkan hujahnya di hadapan hakim. Menurut Mohd Ridzuan (2024) dalam penyata tuntutan, akan adanya pembelaan dan jawapan kepada pembelaan tersebut. Pembelaan ini bertujuan untuk memberi ruang kepada para pihak dalam menyuarakan pembelaan masing-masing. Hal ini kerana, belum tentu dakwaan yang diberikan oleh pihak-pihak semuanya benar. Oleh itu, perlu kepada perbicaraan dan pembuktian.

Selepas itu, akan adanya proses sebutan yang mana proses ini hakim akan meneliti bidang kuasa kehakiman dengan melihat kepada Akta, Seksyen dan Undang-Undang Keluarga Islam. Jika tiada sebarang permasalahan, hakim akan terus mengeluarkan Alasan Penghakiman atau Keputusan Penghakiman. Jika ada pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan keputusan itu, para pihak akan melalui proses perbicaraan. Para pihak akan mengemukakan segala bukti dari segi dokumen, saksi dan sebagainya. Hakim melihat dokumen dari segi pembuktian laporan hospital, laporan polis, surat-surat sakit, keterangan butiran, fakta mahupun keterangan yang lebih jelas untuk meyakinkan pihak mahkamah dan menilai keterangan saksi tersebut. Hakim juga akan melihat kepada saksi yang ada dari segi syahadah, bayinnah atau qarinah. Hakim akan memastikan tiada ruang-ruang syubhah sebelum membuat keputusan (Nur Aqilah et al., 2024b).

Pendekatan Secara *Adversarial* berbanding *Inquisitorial*

Mahkamah Syariah telah melalui banyak perubahan dari segi pentadbiran, pengurusan dan sistem struktur sejak ditubuhkan semasa penjajahan British. Perubahan ini bukan sahaja bertujuan untuk menambah baik struktur luaran dan dalaman mahkamah Syariah, malah untuk menangani pelbagai cabaran yang timbul sejak beberapa dekad lalu. Cabaran yang dilalui oleh Mahkamah Syariah ialah banyak kes yang tertunggak, ketidakselaras antara undang-undang negeri Syariah dan bidang kuasa yang terhad (Hussin et al., 2016). Selama beberapa dekad, Mahkamah Syariah di Malaysia telah menerima pakai sistem *adversarial* sebagai sistem perundangan prosedur formal untuk menyelesaikan kes keluarga dalam perbicaraan mahkamah. Mahkamah Syariah Malaysia telah melalui perkembangan dan perubahan untuk menambah baik struktur perundangan luaran dan dalaman mahkamah.

Pada Disember 2019, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah memperkenalkan hala

tuju amalan baharu di mana hakim Syariah boleh melaksanakan pendekatan inkuisitor dalam perbicaraan jika difikirkan perlu (Ainan Husnaa & Raihanah, 2021). Arahan ini dikenali sebagai Arahan Amalan Nombor 7 Tahun 2019, yang berfungsi sebagai satu cara untuk membolehkan hakim Syariah ini menggunakan pendekatan *inquisitorial* untuk kes sivil, atau mal. Arahan amalan ini mengandungi garis panduan perbicaraan mahkamah sivil melalui kaedah siasatan di Mahkamah Syariah dan juga dikenali sebagai Garis Panduan Perbicaraan Kes Mal Secara *Inquisitorial* Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, literatur lepas menunjukkan bahawa sistem inkuisitor sering diamalkan dan dikaitkan dengan sistem prosedur jenayah dan bukannya dalam kes mal (Abdul Rani, 2007). Keadaan ini pasti menimbulkan tanda persoalan bagaimana untuk memformalkan pendekatan inkuisitor untuk menyelesaikan kes mal kerana kaedah ini sangat berguna dan bermanfaat untuk sistem bidang kuasa Syariah.

Menurut Suhaizad (2019), sistem *adversarial* adalah sistem undang-undang yang digunakan dalam negara yang mengamalkan *common law* di mana dua orang peguam mewakili pihak-pihak di dalam perbicaraan sebelum orang yang tidak memihak atau sekumpulan orang, biasanya juri atau hakim, cuba menentukan kebenaran kes itu. Dalam sistem *adversarial* kedua pihak perlu meyakinkan hakim atau juri bahawa dakwaannya mengenai kes itu adalah yang betul. Malaysia mengamalkan sistem ini dalam pentadbiran kehakiman sama ada di Mahkamah Sivil mahupun Mahkamah Syariah. Menurut Rodger (2014), sistem *adversarial* ialah hakim bertindak sebagai pemantau yang memastikan fakta kes yang dibentangkan mengikut undang-undang dan prosedur yang ditetapkan. Kemudian, hakim memutuskan untuk membuat keputusan berdasarkan keterangan dan bukti yang dikemukakan oleh kedua belah pihak.

Menurut Abdul Rani (2007), sistem *inquisitorial* ialah sebagai satu sistem di mana mahkamah memainkan peranan yang dominan dalam menyiasat fakta dan undang-undang serta membuat keputusan mengikut pandangannya terhadap keadilan kes. Menurut Thaman (2013) pula, mentakrifkannya sebagai satu prosedur mahkamah di mana seorang hakim memainkan peranan aktif dalam menyiasat suatu isu da memastikan kebenaran itu terbukti dan para pihak pula memainkan peranan yang lebih pasif. Semasa perbicaraan diadakan, hakim bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan dan bukannya para peguam. Hakim juga bertanggungjawab terutamanya untuk menyelia dan mengumpul fakta serta bukti yang diperlukan unruk menyelesaikan kes yang ada. Kemudian, hakim membuat keputusan atau perintah mahkamah setelah berpuas hati dengan penyiasatan yang dilakukannya.

Seorang hakim dalam melaksanakan sebarang bentuk pendekatan atau kaedah memerlukan pengiraan dan ketelitian yang teliti. Ini merupakan suatu tanggungjawab yang berat kerana ia bukan sahaja melibatkan keadilan sepihak malah melibatkan kepentingan awam dalam usaha untuk menegakkan keadilan dan mencegah ketidakadilan dalam masyarakat (Mohd Nazri, 2001). Selain itu, hakim perlu berhati-hati untuk menetapkan prosedur yang betul untuk kedua-dua belah pihak dalam perbicaraan semasa pendekatan *inquisitorial*. Hakim perlu memastikan bahawa kedua-dua pihak diberi peluang yang sama untuk membangkitkan perkara yang penting. Selain daripada peranan hakim dan peguam, perbezaan lain yang diperhatikan

ialah pembangunan bukti perbicaraan.

Menurut Janet (2015), bukti perbicaraan *adversarial* terutamanya dibangunkan daripada urutan soal jawab lisan antara peguam dan saksi manakala hakim dalam perbicaraan *inquisitorial* biasanya membina naratif perbicaraan undang-undang melalui kenyataan bertulis. Secara keseluruhannya, sistem adersarial adalah bertentangan dengan sistem *inquisitorial*. Walaupun kedua-dua hakim dan peguam mengambil bahagian dalam pengumpulan bukti, perbezaannya terletak pada peranan hakim semasa perbicaraan. Sistem *adversarial*, seorang hakim memainkan peranan pasif semasa dia menghakimi kedua-dua belah pihak yang berperkara. Sebaliknya, hakim memainkan peranan yang proaktif sekiranya perbicaraan dilaksanakan dengan cara *inquisitorial* (Ainan Husnaa & Raihanah, 2021). Kebanyakkhan hakim bicara Mahkamah Syariah di Malaysia menggunakan kaedah *adversarial* dalam proses perbicaraan.

“Itulah benda yang empat tu tadi. Bawak fakta, semasa dia bagi keterangan tu, bagi keterangan fakta yang relevan dan fakta yang boleh dibuktikan. Kemudian ada dokumen, contohnya ada laporan polis, laporan perubatan, apa-apa laporan, dan saksi yang meyakinkan. Mahkamah hanya melihat benda ini sahaja lah, apa yang dia dakwa, dia buktikan. Bila dia dakwa dan buktikan, hakim berpuas hati, hakim akan terima la. Hanya melihat yang zahir sahaja. yang selebih tu, hanya pihak-pihak dengan tuhan.” (IN1(1)1-30/6(101-106)

Mahkamah Syariah Perak dalam melaksanakan kaedah untuk memutuskan suatu keputusan adalah dengan menggunakan kaedah *adversarial*. Hakim melihat kepada keterangan para pihak dan bukti-bukti yang dikemukakan semasa perbicaraan dilaksanakan. Selain itu, hakim turut melihat apakah yang dituntut oleh pihak plaintiff dalam permohonan yang dilakukan. Menurut Mohd Ridzuan (2024), sebelum membuat sebarang keputusan, pihak hakim akan melihat kes *fasakh* ini melalui fakta yang dikemukakan oleh pihak yang memohon. Selain itu, hakim juga melihat kepada keterangan dan bukti-bukti yang dikemukakan semasa perbicaraan diadakan. Jika hakim tidak berpuas hati dengan keterangan dan bukti yang ada, hakim akan memanggil beberapa saksi untuk memberi kesaksian penuh terhadap kes tersebut. Selepas hakim berpuas hati dengan fakta-fakta yang ada, keterangan dari kedua pihak, bukti yang dikemukakan dan saksi yang ditampilkan, mahkamah akan memutuskan untuk membuat keputusan terhadap kes tersebut.

Hasil pemerhatian pengkaji dalam melakukan kajian ini, pengkaji tidak nampak penggunaan kaedah *inquisitorial* dalam hakim membuat keputusan terhadap permohonan *fasakh*. Hal ini menyebabkan, permohonan *fasakh* di Mahkamah Syariah Perak sangat mudah untuk diluluskan. Sepatutnya, seorang hakim perlulah menggunakan kaedah *inquisitorial* ini untuk melihat dan menilai kes ini dengan bersungguh-sungguh sebelum membuat suatu keputusan. Jika dilihat, nilai atau falsafah sebuah perkahwinan itu adalah untuk dipertahankan dahulu sebelum terjadinya pembubaran. Seharusnya seorang hakim membantu para pihak ini

untuk berdamai atau memberi sedikit masa atau ruang untuk para pihak untuk mencuba memurnikan hubungan mereka semua. Bukannya dengan meluluskan permohonan *fasakh* dengan mudah.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, pengkaji dapat menghuraikan dua budi bicara hakim dalam mengendalikan kes *fasakh* di Mahkamah Syariah. Budi bicara yang pertama adalah hakim melakukan suatu keputusan berdasarkan pembuktian secara zahir sahaja. Hal ini dapat dibuktikan dengan hakim menerima pembuktian dari segi fakta kes, keterangan pihak-pihak, bukti-bukti yang dikemukakan dan saksi yang dibawa oleh para pihak. Kedua, budi bicara hakim dalam membuat keputusan adalah menggunakan pendekatan secara *inquisitorial* berbanding pendekatan *inquisitorial*. Seharusnya, hakim menggunakan kaedah ini untuk melakukan suatu keputusan untuk menilai secara dalam tentang keputusan yang bakal dilakukan dalam pengendalian kes *fasakh*. Pengkaji percaya bahawa semua pihak perlu memainkan peranan yang penting untuk memastikan sebuah ikatan perkahwinan itu dapat dijaga dengan baik dan harmoni.

Realitinya, masyarakat kini mengambil sikap sambil lewa dalam memahami konsep perkahwinan dalam Islam yang menyebabkan terjadinya punca perceraian yang semakin berleluasa terutamanya dikalangan pasangan muda yang baru berkahwin. Pihak mahkamah atau hakim memainkan peranan yang sangat penting dalam menjaga nilai perkahwinan. Seharusnya, hakim menjaga nilai sebuah perkahwinan itu sebelum memutuskan untuk meluluskan permohonan kes *fasakh* ini demi menjaga rumah tangga yang telah dibina. Surah al-Rum ayat 21 dan al-Baqarah ayat 229 seharusnya menjadi satu pegangan bagi setiap muslim yang sudah berkahwin dalam melayari bahtera perkahwinan supaya memahami falsafah perkahwinan yang dituntut dalam Islam. Apabila semakin ramai *masharat* memahami falsafah perkahwinan ini, maka berkuranglah kes perceraian yang didaftarkan di Mahkamah Syariah. Oleh itu, kajian lanjutan diperlukan untuk melihat kelebihan penggunaan kaedah *inquisitorial* dalam pengendalian permohonan *fasakh* di Mahkamah Syariah.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Zul-kifli bin Hussin selaku Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan Sains Sosial kerana telah memberi peluang dan tunjuk ajar dalam menyiapkan artikel ini. Tidak lupa juga kepada Dr Sharifah Nurulhuda selaku pensyarah bagi kursus Penulisan Kertas Projek. Tanpa bimbingan dan dorongan daripada para pensyarah, pengkaji tidak dapat membuat dan menyiapkan satu artikel yang baik.

RUJUKAN

Akta/Enakmen

Arahan Amalan Nombor 7 Tahun 2019.

Enakmen Keluarga Islam Perak 2004.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Perak 2004.

Enakmen Tatacara Mal Perak 2004.

Jurnal/Artikel/Thesis/ Buku/Akhbar

Abdul Karim, Z. (2002). *Nizam al-Qada'*. Lubnan: Muassasah al Risalah.

Abdul Rani, K. (2007). Between the Adversarial and the Inquisitorial Trial. *Malayan Law Journal*, 7, 65–77.

Ainan Husnaa, M. S., & Raihanah, H. A. (2021). A Brief Overview on the Inquisitorial Method in Malaysia Shariah Courts. *Journal of Shariah Law Research*, 6(1), 67–88.

Ali, M. (2020). *Fiqih Munakahat*. Laduny.

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). *Research Methods in Education* (Vol. 5). Routledge Falmer.

Creswell, J. W. (2002). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches* (2nd ed.). Sage Publications.

Dewan, K. (2013). *Kuala Lumpur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Farihad, S. M. (2023). *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/03/1083279/isteri-afiq-muiz-fail>

Ghoffar, M. A. & E. (2004). *Tafsir Ibnu Kathir*. Pustaka Imam Asy-Syafi'.

Hadi, F. (2023). *MStar*. <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2023/12/28/sorotan-2023-penceraian->

Hussin, C. P., Nasrul, H. N., & Suhaimi, M. (2016). Bidang Kuasa Ekslusif Mahkamah Syariah Selepas Pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan: Satu Analisis. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4, 1–13.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). https://library.dosm.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=106283&shelfbrowse_itemnumber=163395

Janet, A. (2015). Legal Discourse and Legal Narratives. *Journal Of Language and Law*, 2(1), 1–11.

Maulidia, A. (2022). *Analisis Penafsiran Mitsaqan Ghalizha Sebagai Konsep Pernikahan (Studi Komparatif Tafsir al-Qurthubi dan Tafsir Al-Munir Terhadap Surah An-Nisa' Ayat 21)*. Perpustakaan UIN Mataram.

Mohd Nazri, A. (2001). Konsep Kehakiman Dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, 14, 87–96.

- Mohd Ridzuan, B. Y. (2024). *Budi Bicara Hakim Bicara Dalam Pengendalian Permohonan Fasakh*. F. Nasarudin, Interviewer.
- Mohd Zaidi, M. Z., & Raihanah, H. A. (2018). Tuntutan Fasakh: Kajian Dari Perspektif Undang-Undang Tatacara Mal. *Journal of Shariah Law Research*, 3(1), 1–34.
- Mohd Zaidi, M. Z., & Raihanah, H. A. (2019). Kelewatan Pengendalian Kes Fasakh Dalam Aspek Undang-Undang Tatacara Mal; Kajian Kes di Selangor. *Jurnal Syariah*, 27(3), 45–486.
- Mohd Zaidi, Z. (2019). *Pemakaian Undang-Undang Tatacara Mal Dalam Prosiding tuntutan Fasakh di Mahkamah Syariah Malaysia*. University of Malaya.
- Muhammad Mustaqim, R., & Hanis, S. (2024). Kepimpinan Mufti Harussani dalam Institusi Kekeluargaan: Analisis Pendidikan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(2), 79–98. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no2.562>
- Muhammad Rawwas, Q. (1983). *Mausu'ah fiqh Abu Bakar al-Siddiq*. Dar al-Nafais.
- Noratiqah, M. S. (2017). Pandangan Peguam Syarie Tentang Pemeliharaan Hak Wanita Dalam Pembubaran Perkahwinan Melalui Fasakah di Negeri Selangor. (*artikel tidak diterbitkan*). *Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia*.
- Nur Aqilah, K., Zulfahmi, B., & Wahidin. (2024). Alasan Pengabaian Nafkah oleh Suami Dalam Putusan Fasakh. *Journal of Sharia and Law*, 3(1), 31–50.
- Nur Faezah, M., Raihanah, H. A., & Bahiyah, A. (2020). Sakinah, Mawaddah Dan Rahmah Dalam Perhubungan Suami Isteri: Analisis Literatur. *Jurnal Syariah*, 28(1), 81–104.
- Nurul, A. H., & Raihanah, A. (2021). Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqasid al-Shariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(2), 32–42.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods* (3rd ed.). Sage Publications.
- Rahmah, S. N., & Mohd Husairi, M. H. (2023). Amalan Perjanjian Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Kes Tuntutan Perceraian: Kajian di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. *Journal of Shariah Law: Research (JLSR)*, 8(2), 143–166.
- Retsha, A. S. (2018). *Penafsiran Para ulama Terhadap Tasrih Bi Ihsan Dalam Al-Quran*. UIN Syarif Hidayatullah.
- Rodger, B. (2014). The Adversary System. *Albanese*, 1.
- Solihah, M., & Mohd Norhusairi, M. H. (2023). Perceraian Bagi Perkahwinan Yang Berusia Kurang Dari Tempoh Satu Tahun di Mahkamah Rendah Syariah Petaling. *Journal of shariah Law Research*, 8(1), 33–70.

Sudirman. (2017). *Pisah Demi Sakinah Kajian Kasus Mediasi Perceraian di Pengadilan Agama*. Penerbit Buku Pustaka Radja.

Suhaizad, S., Ruzian, M., & Mohd Munzil, M. (2019). Kaedah Pembuktian Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia. *Suatu Kajian Perbandingan. Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(1), 1–34.

Syafiq, M. (2023). News. <https://syafiqmukhtar.com/2023/03/31/tuntutan-cerai-secara-fasakh/>

Thaman. S. (2013). *Legal Systems: Adversarial and Inquisitorial: Encyclopedia of Forensic Sciences*. USA: Elsevier Ltd.

Wahbah az-Zuhaili. (2013). *Tafsir Al-Munir; Aqidah, Syariah, Manhaj (Jilid 2)*. Gema Insani.

Wahbah Zuhaili. (1985). *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu (juzuk 6)*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Alasan Penghakiman

Alasan Penghakiman *Fasakh*. (2022). Palilah binti Lee lwn Mahad bin Daud. Mahkamah Rendah Syariah Seri Iskandar, Perak. Kes Mal Bil: 014-0018-2022

Alasan Penghakiman *Fasakh*. (2021). Nor Hayati binti Abu Daud lwn Muhammad Salihin bin Daud. Mahkamah Rendah Syariah Seri Iskandar, Perak. Kes Mal Bil: 014-0382-2021

Alasan Penghakiman *Fasakh*. (2019). Muhamad Nazri bin Hj. Basrawi. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan. Kes Mal Bil: 10006-014-08244-2018

Alasan Penghakiman *Fasakh*. (2018). Tuan Mohd Husni Za'im Bin Mohd Said. Mahkamah Rendah Syariah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan. Kes Mal Bil: 10011-014-0089-2017